

Headline	RM3 juta buka ladang gaharu Orang Asli		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	15	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 526
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,578



RM3 juta buka ladang gaharu Orang Asli

GUA MUSANG - Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk membuka ladang kayu gaharu di kawasan perkampungan Orang Asli di Gua Musang dalam masa terdekat ini, kata Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Tengku Razaleigh berkata, peruntukan permulaan itu diluluskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika beliau mengunjungi Perdana Menteri di pejabatnya di Putrajaya Ahad lepas.

"Saya menemui Perdana Menteri sebelum saya datang ke majlis ini supaya apa yang saya cadangkan untuk membuka ladang kayu gaharu menjadi kenyataan," katanya kepada pemberita selepas majlis Perasmian Penutup Kembara Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas 2012 di Padang Awam Pos Brooke dekat sini semalam.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako), Datuk Mohd. Sani Mistam, Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Ab. Aziz Yusof dan Pegawai Pembangunan, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) Cawangan Gua Musang, Muhamad Shukri Ab. Aziz.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua UMNO bahagian itu berkata, peruntukan tersebut sebagai permulaan projek dan menyerahkan perkara itu kepada Jako untuk mengadakan perbincangan dengan jabatan serta agensi berkaitan.

Beliau berkata, Jako juga perlu mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan kelulusan tanah untuk tujuan itu.

Ladang kayu gaharu belum dapat ditentukan keluasannya kerana masih dalam kajian bersama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Risda bagi menentukan lokasi terbaik berhampiran penempatan Orang Asli, katanya.

"Kita berbuat demikian kerana tidak mahu kaum itu terus hidup terpinggir disebabkan hilang punca pendapatan selepas hasil hutan pupus dengan kegiatan pembalakan dan pembukaan peladangan," katanya. - Bernama